

100 hari: Prestasi ekonomi lebih baik

Sinar Harian - 9/12/2021 M/S: 29

Komited stabil dan majukan ekonomi demi manfaat rakyat dan iklim perniagaan

KUALA LUMPUR

Beberapa pelan dan strategi, termasuk sektor berkaitan ekonomi untuk memulihkan ekonomi demi kesejahteraan rakyat, yang digariskan oleh Kementerian berkaitan telah membuahkan hasil apabila sasaran jangka pendek awal yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk pasukan kabinetnya menghampiri tempoh 100 hari.

Ismail Sabri dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia kesembilan pada 20 Ogos menggantikan Tan Sri Muhyiddin

Yassin yang meletak jawatan pada 16 Ogos selepas kehilangan sokongan majoriti di Parlimen.

Pada 27 Ogos, Ismail Sabri mengumumkan senarai barisan 'Kabinet Berorientasikan Hasil' melibatkan 31 menteri, termasuk 13 menteri berpengalaman di bawah kerajaan terdahulu yang termasuk Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Antara pencapaian utama yang dicapai oleh Perdana Menteri dalam tempoh 100 hari ialah Memorandum Persefahaman (MoU) bersejarah yang dimeterai antara kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan, yang membantu memacu keyakinan ekonomi dan meningkatkan pelaburan lang-

sung asing (FDI) ke Malaysia, menurut penganalisis.

Dalam laporan berita pada 13 September, Ketua Ekonomi Juwai IQI, Shan Saeed berkata, pelabur mula memasuki pasaran Malaysia semula berikutan peningkatan kestabilan politik dan komitmen kerajaan untuk meletakkan ekonomi di landasan pertumbuhan.

"Kerajaan Persekutuan amat komited terhadap kestabilan makroekonomi untuk pertumbuhan yang membawa kepada kemajuan ekonomi di negara ini. Langkah ini memberi manfaat kepada orang ramai dan orang biasa di peringkat makro," katanya.

Dalam kenyataan pada 30 September 2021, Ismail Sabri berkata, ahli Jemaah Menteri diarah mengumumkan Kad Laporan Pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari masing-masing kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, ini

membolehkan rakyat menilai prestasi menteri dan kementerian mereka dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan meletakkan pencapaian aspirasi itu sebagai keutamaan tertinggi bagi setiap menteri dalam memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September lepas menetapkan tempoh 100 hari pertama setiap menteri di bawah pentadbirannya bermula dari 1 September iaitu pada hari pertama Mesyuarat Jemaah Menteri diadakan.

Dalam tempoh 100 hari pertamanya, Ismail Sabri mengumumkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) 2021-2025, dan RM400 bilion diperuntukkan di bawah pelan hala tuju negara untuk lima tahun, meningkat sebanyak

61 peratus berbanding perbelanjaan sebenar sebanyak RM248.5 bilion untuk RMK11.

Ismail Sabri, semasa mengumumkan pelan itu, berkata RMK12 mempunyai tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan dalam menyediakan asas yang kukuh untuk masa depan Malaysia.

RMK12 menyasarkan untuk meningkatkan lagi asas ekonomi, termasuk meningkatkan sosioekonomi kumpulan berpendapatan rendah bumiputera. -Bernama.



ISMAIL SABRI